



BULETIN MPSPK

Edisi 2020 Vol 2

KEDAH SEJAHTERA NIKMAT UNTUK SEMUA

Edaran Percuma

www.mpspk.gov.my



Bersama
Hentikan
Wabak
COVID-19

MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI
Sungai Petani Municipal Council



08 Lawatan Kerja Menteri Pelancongan, Seni dan Kebudayaan Malaysia



14 Taklimat Bagi Pelaksanaan Kawasan Bebas Berniaga Daerah Kuala Muda



17 Hari Anti Rasuah Antarabangsa (HARA 2020)

EDITORIAL

Pengerusi/Penaung
Tuan Haji Syed Khairul Anuar bin Syed Abidin
AMK., BCK., ASK.,
Yang Dipertua, MPSPK

Penasihat
Sunita binti Abdul Aziz
AMK., BCK.,
Setiausaha, MPSPK

Editor
Faten binti Sobri
Ketua Bahagian Perhubungan Awam & Korporat

Penulisan
BPAK

Arahan Seni & Fotografi
Armin Anuar



MPSPK

Majlis Perbandaran Sungai Petani
Jalan Patani,
08000 Sungai Petani, Kedah Darul Aman

Tel 04-4296666
Faks 04-4296655/56
Aduan 04-4296700

<http://www.mpspk.gov.my/>
<http://eaduan.mpspk.gov.my/>
<https://www.facebook.com/Majlis-Perbandaran-Sungai-Petani>
<http://www.youtube.com/Majlis-Perbandaran-Sungai-Petani-Kedah>

**Buletin ini diterbitkan oleh:
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM & KORPORAT (BPAK)**



08

Lawatan YB Dato' Sri
Hajah Nancy Shukri,
Menteri Pelancongan
Seni & Budaya



14 Taklimat Pelaksanaan Kawasan
Bebas Berniaga



17 Hari Anti-Rasuah
Antarabangsa
(HARA) 2020

ISI KANDUNGAN

- 01 Editorial
- 02 Perutusan Yang Dipertua
- 03 Berita Ringkas
- 04 Sesi Sembah Taklimat Seni Mural DTYM Raja Muda
- 06 Taklimat Perlindungan Insurans CUEPACS CARE
- 08 Lawatan MOTAC ke Jeti Semeling
- 10 Lawatan DYMM Sultan Kedah ke Tanjung Dawai dan Pantai Merdeka
- 12 Lawatan Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, Dato' Paduka Ammar Dato' Shaikh Mahmood Naim ke Pantai Merdeka
- 14 Taklimat Kawasan Bebas Niaga Pandemik Covid-19

- 16 Lawatan EXCO Pelancongan Kedah ke Tanjung Dawai
- 17 Hari Anti Rasuah Antarabangsa (HARA) 2020
- 18 Panduan Vaksinasi



Vaksin COVID-19 adalah percuma

Vaksin COVID-19 akan diberikan secara percuma kepada semua penduduk yang layak termasuk bukan warganegara.

5 kaedah pendaftaran:

- MySijahara
- vaksin-covid.gov.my
- Talian Hotline (042966700)
- Klinik dan Hospital
- Lawatan ke rumah

LINDUNG DIRI, LINDUNG SEMUA.

JAWATANKUASA KHAS JAMINAN AKSES BEKALAN VAKSIN COVID-19 (JKJAV)

© Hakcipta Terpelihara 2020 MPSPK

Penerbitan ini boleh diterbitkan semula keseluruhan dan sebahagiannya bagi tujuan pendidikan atau tujuan-tujuan yang tidak memberi keuntungan tanpa persetujuan daripada pemilik hakcipta, dengan syarat penghargaan diberi kepada sumber berkenaan dan senaskhah terbitan yang menggunakan terbitan ini sebagai sumber dikemukakan ke Majlis Perbandaran Sungai Petani. Terbitan ini tidak boleh diterbitkan untuk tujuan atau untuk apa-apa tujuan perniagaan tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran berulis daripada Majlis Perbandaran Sungai Petani.

Segala hasil penulisan dan fotografi adalah hakmilik Majlis Perbandaran Sungai Petani.

Assalamualaikum wrt dan salam sejahtera!

Alhamdulillah kita masih lagi diberi peluang dan kesempatan dari-Nya walaupun kini kita masyarakat dunia sedang berhadapan dengan krisis pandemik virus COVID-19.

Merujuk kepada titah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke-16, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah, Baginda telah menzahirkan nasihat buat pedoman kita semua. Baginda mengingatkan, semua pihak untuk mengeneipkan segala perbezaan, serta bersatu padu dalam usaha membanteras pandemik COVID-19.

Memetik kenyataan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin, sebanyak 80 peratus populasi negara ini atau 26.5 juta individu akan menerima vaksin. Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan ini akan membabitkan tiga fasa.

Fasa pertama akan membabitkan sejumlah 500,000 petugas barisan hadapan. Fasa kedua pula, adalah untuk kumpulan yang berisiko tinggi dijangkiti Covid-19. Mereka ialah warga emas dan golongan rentan iaitu yang berusia 60 tahun ke atas, yang mengalami masalah morbiditi seperti penyakit jantung, obesiti, diabetes dan tekanan darah tinggi. Golongan orang kelainan upaya (OKU) turut termasuk di dalam fasa ini.

Fasa ketiga pula adalah baki penerima vaksin dari golongan dewasa berumur 18 tahun ke atas, yang akan bermula dari bulan Mei 2021 hingga Februari 2022. Fasa ini penting untuk membentuk perlindungan kelompok atau herd immunity dan seterusnya mengawal pandemik ini secara menyeluruh.

Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan ini adalah program vaksinasi terbesar yang pernah dilaksanakan di negara ini. Jesteru marilah kita sama-sama mengembleng tenaga bagi menjayakan program ini. Lindung diri, lindung semua.



Tuan Haji Syed Khairul Anuar bin Syed Abidin
AMK., BCK., ASK.,
Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Sungai Petani

INFO/TALIAN MPSPK

MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI
KEMPEN
JOM UPDATE
KINI PROSES KEMASKINI BUTIRAN PREMIS
MENJADI LEBIH MUDAH DENGAN
MENGUNAKAN SISTEM JOM UPDATE
JOM BERSAMA-SAMA
MENGEMASKINI
DATA CUKAI TAKSIRAN ANDA
&
BERPELUANG MEMENANGI
HADIAH MISTERI

HADIAH MENARIK
MENANTI ANDA
*SO YANG BERTUAH

IMBAS DISINI

- | | |
|---|---|
| 01 SEKSYEN LETAK KERETA
04-429 6665 | 06 JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN
04-429 6738 |
| 02 JABATAN KEWANGAN
04-429 6751 | 07 JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
04-429 6774 |
| 03 JABATAN PENILAIAN &
PENGURUSAN HARTA
04-429 6701 | 08 JABATAN LANSKAP & REKREASI
04-429 6787 |
| 04 JABATAN PERANCANG BANDAR
04-429 6652 | 09 JABATAN PENGUATKUASAAN
04-429 6780 / 81 |
| 05 JABATAN KEJURUTERAAN
04-429 6629 | 10 JABATAN BANGUNAN
04-429 6676
04-429 6689 |

TERIMA KASIH

KEPADA PEMILIK HARTA YANG TELAH MENJELASKAN
CUKAI TAKSIRAN ANDA UNTUK TAHUN 2020

LAWATAN EXCO KE SEKITAR KAWASAN BANJIR KILAT



01/12/2020

Sekitar Taman Kenari & Taman Sutera Idaman

YB. Dato' Suraya bt Yaacob, Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya/Pengerusi Jawatankuasa Bekalan Air & Sumber Air dan Pengerusi Jawatankuasa Tenaga bersama-sama YB. Dr. Robert Ling Kui Ee serta Yang DiPertua Syed Khairol Anuar turun padang untuk memantau kawasan bencana banjir di Taman Kenari.

Hujan lebat yang turun mulai jam 3 petang telah menjejaskan beberapa kawasan antaranya Kampung Haji Wahab,

Taman Sutera Idaman, Kampung Bukit Belah, Taman Kenari Jaya dan di belakang Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Min Terk.

Banjir kilat yang melanda sekitar kawasan perumahan ini adalah kejadian kedua dalam tempoh sebulan yang dipercayai berlaku akibat sistem perparitan yang tidak berfungsi dengan baik. Tinjauan YB. Dato' Suraya ke kawasan banjir ini untuk mengenalpasti tujuan utama permasalahan serta langkah penyelesaian.



Penulisan Karangan Peringkat Jabatan Kerajaan Tempatan

Pemenang Pertandingan PENULISAN KARANGAN Peringkat Jabatan Kerajaan Tempatan BERSEMPENA DENGAN DEKAD BAHASA KEBANGSAAN

1 THENIL A/P MUTHUSAMY
Majlis Perbandaran Kuala Langat, Selangor

2 BARATHIDHASA A/L VEERAPAN
Majlis Perbandaran Sungai Petani, Kedah

3 MOHD ASHOR BIN YUSUF
Majlis Daerah Kuala Kangsar, Kedah

SAGU HATI

- ZARINA BINTI JAHYA
Majlis Perbandaran Ampang, Selangor
- ELINA BINTI MOHD
Majlis Perbandaran Alor Setar, Kedah
- WAN HABILA DEANNA BINTI WAN MAZDI
Majlis Perbandaran Pulau Pinang
- MURAFIKASUHADA BINTI MOHAMED
Majlis Perbandaran Ipoh, Perak
- SUZZANA BINTI MOHAMED
Majlis Perbandaran Alor Setar, Kedah

30/12/2020



Tahniah diucapkan buat Encik Barathidhasa a/l Veerapan dari Bahagian Hasil, Majlis Perbandaran Sungai Petani kerana mendapat tempat kedua dalam Pertandingan Penulisan Karangan Peringkat Kerajaan Tempatan.

Pertandingan tersebut merupakan anjuran Bahagian Ensiklopedia, Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP) bersempena dengan Dekad Bahasa Kebangsaan.

Encik Barathidhasa mendapat tempat kedua dan menerima wang tunai sebanyak RM800 serta sumbangan buku dan sijil dari DBP. Tahniah sekali lagi diucapkan!

Bantuan Sumbangan Hidup KESUKEM

18/11/2020
Lobi Aras 5 Menara MPSPK

Satu majlis ringkas Bantuan Sumbangan Hidup kepada Puan Norhashimah bt Hashim dari Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta.

Puan Norhashimah yang lama menderita penyakit saraf dan berkerusi roda telah menerima sumbangan kerusi roda baru dari Kelab Sukan dan Kebajikan MPSPK (KESUKEM)

Sumbangan kerusi roda ini disampaikan sendiri oleh Yang Dipertua Syed Khairol Anuar Syed Abidin bersama barisan kepimpinan KESUKEM.



TAKLIMAT SENI LUKISAN MURAL

Kredit foto: Amir-Zafzan



Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Kedah, Tengku Sarafudin Badlishah Ibni Sultan Sallehuddin hari ini berkenan berangkat ke Sesi Sembah Taklimat Mengenai Seni Lukisan Mural Dinding yang bakal menjadi tarikan baharu buat warga Kedah dan pelancong dari luar Kedah.

Dalam sesi berkenaan, Datuk Bandar Alor Setar, Dato' Zaid Ahmad dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sungai Petani, Tuan Haji Syed Khairul Anuar Syed Abidin mempersembahkan mengenai perancangan pengindahan bangunan-bangunan kedai melalui lukisan mural mengikut tema tertentu di kawasan pentadbiran masing-masing.

Turut hadir, Puan Sunita Abdul Aziz, Setiausaha MPSPK; Puan Amirah Khairiah Abdul Latip, Setiausaha MBAS dan Encik Mohammad Hasbullah Abdul Hadi, Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat MBAS.



Antara fokus utama sesi taklimat ini adalah rancangan Pertandingan Melukis Mural yang bakal dianjurkan oleh MPSPK. Tumpuan lokasinya adalah di Bangunan Cayman, Taman Pekan Baru. Program ini bertujuan memupuk seniman tempatan mengambil bahagian di dalam menceriakan beberapa tembok dan bahagian belakang premis perniagaan yang terbiar kosong.

Tiga skop utama penganjuran program ini adalah - Alam Sekitar, Ekonomi dan Sosial.

Selain itu projek ini diharap dapat menambah satu lagi produk atau daya tarikan pelancong untuk berkunjung ke Bandar Sungai Petani.



Taklimat Insuran CUEPACS CARE

04/11/2020

Dewan Bankuet, Aras 6, Menara MPSPK



Satu taklimat bagi insentif khas kad perubatan bagi penjawat awam seluruh Malaysia telah pun diadakan untuk semua warga MPSPK.

Sebuah program Takaful Penghospitulan & Pembedahan bagi seluruh anggota sektor awam, Badan-badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan, Agensi serta Institusi di bawahnya. Dengan kadar sumbangan bulanan yang mampu disertai, Penjawat Awam kini boleh melindungi diri mereka dan ahli keluarga dengan Kad Perubatan CuepacsCare.

Harga Pelan Keluarga CuepacsCare adalah RM106 sebulan manakala Pelan Individu CuepacsCare pula adalah RM40 sebulan.

Menawarkan perlindungan penghospitulan dan pembedahan, CuepacsCare diterima lebih 70 panel hospital pakar swasta di seluruh negara.

Penjawat Awam hanya perlu menyerahkan kad CuepacsCare untuk kemasukan mudah ke panel hospital swasta. Kos rawatan dari hospital bukan panel boleh dibayar dahulu dan dituntut balik dari CuepacsCare mengikut terma dan syarat yang ditetapkan.





1



2



3

1. Yang Dipertua Syed Khairol Anuar Syed Abidin memberi ucapan kepada semua warga kerja MPSPK.
2. Wakil dari CUEPACS Care memberi penerangan berguna berkenaan faedah insurans yang bakal dinikmati semua warka kerja MPSPK.
3. Warga kerja MPSPK tidak ketinggalan mengambil pakej cenderahati, sijil serta kad keahlian insurans dari pihak CUEPACS Care.



LAWATAN KERJA MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA (MOTAC)

02/10/2020

Pusat Interpretasi Pelancongan Kompleks Jeti Semeling, Merbok

Majlis Perbandaran Sungai Petani (MPSPK) menerima kunjungan Lawatan Kerja Menteri Pelancongan, Seni dan Kebudayaan, YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri ke Jeti Semeling bagi meninjau potensi pembangunan aktiviti pelancongan di Daerah Kuala Muda dan Yan.

Rombongan lawatan kerja selama sehari itu telah melawat beberapa lokasi pelancongan yang bermula dengan aktiviti Island Hopping ke sekitar Pulau Song-song yang terletak di Daerah Yan.



Turut hadir, YBhg. Dato' Dr. Noor Zari bin Hamat, Ketua Setiausaha MOTAC, YBrs. Cik Saraya binti Arbi, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) MOTAC, YBrs. Encik Norazman bin Othman, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) MOTAC, serta barisan Pengurusan Tertinggi MOTAC.

Ucapan terima kasih kepada YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia yang telah mengadakan lawatan kerja ke Daerah Kuala Muda bersama Pengurusan Tertinggi Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) serta Tourism Kedah.





1



2

1. Yang Dipertua Syed Khairul Anuar dan Setiausaha Puan Sunita Aziz bergambar kenang-kenangan bersama rombongan YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri dari Kementerian Seni dan Kebudayaan.

2. YBhg. Dato' Dr Noor Zari Hamat dan YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri menerima cenderahati istimewa hasil laut Tanjung Dawai dari Yang Dipertua.

3. Yang Dipertua memberi sedikit penerangan ringkas kepada Menteri Pelancongan mengenai pelan pembangunan masa hadapan Jeti Semeling.



3



LAWATAN KDYMM SULTAN KEDAH KE TJ. DAWAI

03/8/2020

Kampung Huma, Tanjung Dawai dan Pantai Merdeka.



Kebawah DYMM Tuanku Sultan Kedah, Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah berkenan berangkat ke Daerah Kuala Muda untuk lawatan rasmi ke persisiran pantai Kampung Huma, Tanjung Dawai.

Kunjungan Tuanku Sultan ke kawasan perkampungan yang terkenal dengan penghasilan makanan laut adalah untuk meninjau dan menikmati sendiri keindahan persisiran pantai di sini.

Ketibaan Tuanku Sultan dan rombongan disambut Timbalan Setiausaha (Pembangunan) YBhg. Dato' Haji Norizan Bin Khazali, Pengarah Tanah dan Galian Kedah, Tuan Haji Mohd Fauzi Mustaffa, Pegawai Daerah Kuala Muda, Tuan Haji Abdullah Hashim,

Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) / Ketua Pegawai Maklumat Negeri Kedah YBhg. Dato' Haji Syed Shahrudin Syed Abdullah dan Yang Dipertua MPSPK, Tuan Haji Syed Khairul Anuar Syed Abidin.

Aturcara lawatan ini bermula pada jam 11 pagi, dengan taklimat ringkas oleh Pegawai Daerah Kuala Muda Tuan Haji Abdullah Hashim berkenaan status terkini keadaan sekitar persisiran Pantai Kampung Huma.

Ketua Jabatan Pembangunan Masyarakat MPSPK, Encik Mohd Amin Ali mengadap baginda Sultan dan mempersembahkan cendera kenangan peta Diorama Sungai Batu. Tuanku Sultan juga turut berkenan berkunjung serta beramah mesra bersama rakyat dan peniaga-peniaga di Arked MPSPK Tanjung Dawai.





1. Tuanku Sultan Kedah mencemar duli dengan berkunjung beramah mesra serta membeli beberapa barangan hasil laut dari peniaga arked.

2. Tuanku Sultan turut berkunjung ke Pantai Merdeka Beach Resort yang pada asal perjalanan ini adalah dengan menggunakan laluan laut. Perancangan terpaksa ditukar kerana keadaan laut bergelora. Semua rombongan Tuanku Sultan ke Pantai Merdeka dengan menggunakan jalan darat.

3. Keberangkatan pulang Tuanku Sultan dengan menaiki buggy hotel ke kenderaan rasmi di perkarangan tempat letak kereta hotel.



LAWATAN SETIAUSAHA NEGERI KEDAH KE PANTAI MERDEKA

02/11/2020
Pantai Merdeka



Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) Negeri Kedah telah memperuntukan sebanyak RM20 juta untuk membangunkan beberapa projek di sekitar Pantai Merdeka dan Tanjung Dawai antaranya membina sebuah jeti baharu di Tanjung Dawai untuk keselesaan pengunjung serta pelancong yang hadir.

Kenyataan rasmi ini dipetik dari Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sungai Petani, Syed Khairul Anuar Syed Abidin ketika temubual bersama pihak media sempena lawatan kerja Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, Dato' Paduka Ammar Dato' Shaikh Mahmood Naim bersama Majlis Perbandaran Sungai Petani Kedah (MPSPK)

Menurut YDP, terdapat beberapa komponen pembangunan yang akan dijalankan di Pantai Merdeka dan Tanjung Dawai dalam masa terdekat yang melibatkan sekitar persisiran Pantai Merdeka dan Jeti Tanjung Dawai melalui peruntukan dalam RMK-12.

Bagi komponen pertama iaitu pemuliharaan pantai di Pantai Merdeka kembali kepada keadaan asal yang akan bermula pada tahun 2021. Komponen kedua ialah pembinaan jeti di Tanjung Dawai telah diberi pertimbangan untuk dilaksanakan.

Hadir sama Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan), Dato' Norizan Khazali; Pegawai Daerah dan Tanah Kuala Muda, Abdullah Hashim; Pengarah JPS Negeri Kedah, Ir. Md. Khuzai Hussain dan Setiausaha MPSPK, Puan Sunita Abdul Aziz.





1. YDP Syed Khairul Anuar memberikan sumbangan cenderamata kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Dato' Paduka Ammar Dato' Shaikh Mahmood Naim.

2. Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) Dato' Norizan Khazali turut menerima cenderamata dari YDP Syed Khairul Anuar.

3. YDP Syed Khairul Anuar turut memberi sedikit penerangan ringkas kepada Dato' Paduka Ammar dan Dato' Norizan ketika menelusuri sepanjang pesisiran Pantai Merdeka.





TAKLIMAT PELAKSANAAN KAWASAN BEBAS BERNIAGA DAERAH KUALA MUDA

18/11/2020
Dewan Kenangan,
Menara MPSPK

Kedah mengikut jejak Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan membenarkan peniaga kecil dan penaja statik berniaga di kawasan pentadbiran pihak berkuasa tempatan (PBT) di seluruh negeri.

Keputusan itu dibuat Menteri Besar, Muhammad Sanusi Md. Nor sebagai usaha kerajaan negeri meringankan beban hidup rakyatnya yang terkesan akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di era pandemik Covid-19.



Lebih 500 peniaga tidak melepaskan peluang untuk mendapatkan borang permohonan bagi membuka gerai di kawasan bebas berniaga di daerah Kuala Muda yang dikeluarkan oleh Bahagian Pelesenan Jabatan Kesihatan Persekitaran MPSPK.

Setiausaha MPSPK, Puan Sunita Abdul Aziz menjelaskan, peniaga yang berjaya dalam permohonan tersebut akan diberikan permit perniagaan berkuat kuasa mulai pada 15 November 2020 hingga 15 Mei 2021.


Sebanyak tujuh lokasi ditetapkan dalam kawasan bebas berniaga dan ianya adalah : Jalan Lama Sungai Tok Payang (berhadapan Kelab Golf Harvard), Jalan Lama Wisma Ria (Tapak Bazar Ramadan hadapan CIMB), Taman Ria Jaya (hadapan medan selera EUPE) dan Jalan Lama Padang Temusu (hadapan Isuzu/Pasar Raya TF Mart) Pas- araya Aneka berhadapan Maybank serta hadapan Stesen Teksi di Gurun.





FAKTA

1. Peniaga dikenakan caj sebanyak RM10 sahaja sebulan beserta syarat-syarat yang harus dipatuhi.
2. Peniaga dilarang menjual makanan mentah, basah serta barangan yang menyalahi undang-undang serta perkhidmatan seperti urutan dan gunting rambut.
3. Hanya barang makanan dan minuman serta barangan kering seperti kasut dan pakaian sahaja yang boleh dijual.





LAWATAN KERJA EXCO PELANCONGAN NEGERI KEDAH KE TANJUNG DAWAI & PANTAI MERDEKA

07/12/2020
Tanjung Dawai & Pantai Merdeka



Sejurus selepas tamat lawatan di Daerah Yan, YB Tuan Mohd Firdaus Bin Ahmad, EXCO Pelancongan, Seni dan Budaya, Belia & Sukan dan Pembangunan Usahawan & Koperasi Negeri Kedah terus bergerak ke Tanjung Dawai dan Pantai Merdeka di Daerah Kuala Muda bagi siri lawatan kerja.

Dalam lawatan tersebut YB Tuan Mohd Firdaus menyantuni peniaga dan pengunjung Arked Tanjung Dawai yang diselenggara Majlis Perbandaran Sungai Petani. Bangunan dua tingkat ini terletak bersebelahan Jeti Tanjung Dawai merupakan pusat jualan pelbagai produk hasil laut termasuklah ikan kering, keropok udang, keropok lekor, telur masin dan yang paling popular ialah ikan masin talang padi.

YB Tuan Mohd Firdaus di beri penerangan dari Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat, Encik Mohd Amin Ali berkenaan penambahbaikan Jeti Tanjung Dawai yang sedang giat dilaksanakan bagi kemudahan pengunjung dan pelancong untuk ke Pantai Merdeka.

Setibanya di Pantai Merdeka YB sempat berkunjung ke gerai-gerai dan bertemu peniaga-peniaga serta mengucapkan tahniah kepada pihak MPSPK dalam menyediakan tapak baru kepada peniaga bagi mengubah lanskap pemandangan Pantai Merdeka dengan lebih tersusun dan teratur.

Hadir sama ADUN Tanjung Dawai, YB Ustaz Hanif Ghazali, ADUN Pantai Merdeka, YB Ustaz Hj Ahmad Fadzli Bin Hashim, Penolong Pengarah BPEN Bahagian Pelancongan, Encik Abdullah Sani dan Pengurus Kedah Tourism, Encik Noor Azlan Fitri Bin Haji Abd Razak.





2



1



3

1. EXCO Pelancongan Seni dan Budaya, Belia & Sukan YB Tuan Mohd Firdaus Ahmad sedang mendengar perengaran dari Ketua Jabatan Pembangunan Masyarakat MPSPK Encik Mohd Amin Ali ketika menaiki bot pulang ke Tanjung Dawai.

2. Semua ahli rombongan dari EXCO turut tidak melepaskan peluang bergambar kenangan bersama-sama.

3. Taklimat ringkas dan santai dari Encik Mohd Amin kepada semua ahli rombongan EXCO termasuk YB ADUN Pantai Merdeka Ustaz Ahmad Fadzli Hashim serta ADUN Tanjung Dawai Ustaz Haji Hanif Ghazali.



MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI KEDAH



HARI ANTI - RASUAH ANTARABANGSA (HARA) 2020 ANJURAN SPRM NEGERI KEDAH

08/12/2020

Bilik Gerakan, Aras 5, Menara MPSPK

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Kedah dengan besar hati telah memilih Majlis Perbandaran Sungai Petani, Kedah (MPSPK) pada tahun ini untuk menjayakan Hari Antirasuah Antarabangsa 2020 dengan tema "PBT Perangi Pemberi Rasuah".

Program ini dimulakan dengan kehadiran Dato' Shaharom Nizam bin Abdul Manap, Pengarah SPRM Negeri Kedah bersama deligasi ke pejabat YDP dan telah disambut oleh Tuan Syed Khairol Anuar bin Syed Abidin, Yang Dipertua MPSPK, Puan Sunita bt Abdul Aziz, Setiausaha MPSPK para pegawai serta sebahagian warga-kerja MPSPK.



Sambutan HARA 2020 ini telah dimulakan dengan bacaan doa dan seusai bacaan doa, Tuan Syed Khairol Anuar bin Syed Abidin telah menyampaikan ucapan aluan yang menerangkan keberadaan MPSPK adalah bersama-sama dengan SPRM dalam mencegah dan memerangi jenayah rasuah di kalangan pegawai dan kakitangan dibawah seliaannya serta buat julung-julung kalinya menyempurnakan sambutan HARA bersama SPRM pada tahun ini.

Majlis pada hari ini juga menyaksikan lafaz janji warga kerja MPSPK dan penandatanganan dokumen lafaz janji warga kerja oleh Tuan Yang Dipertua, Puan Setiausaha, Barisan Ahli Majlis, Pengarah-pengarah dan Ketua-ketua Bahagian MPSPK.



PANDUAN

PENDAFTARAN PROGRAM VAKSINASI MELALUI APLIKASI



MySejahtera

PASTIKAN

aplikasi MySejahtera anda telah dikemaskini



klik 'Tutup' untuk ke MENU utama




Klik 'Vaksinasi' COVID-19 untuk pendaftaran baru



Klik pada maklumat anda (bulatan merah) untuk langkah seterusnya



Klik 'Seterusnya' untuk mengetahui adakah anda tergolong dalam Fasa 1



Klik 'OK' untuk langkah berikutnya




Pastikan butiran peribadi anda betul dan klik 'Sahkan'. Jika terdapat kesilapan, klik 'Edit' untuk kemaskini

Klik 'DI SINI' untuk penambahan maklumat bagi pendaftaran



Jawab setiap soalan yang telah diberikan kemudian klik 'Hantar'

Klik 'OK'. Pendaftaran anda telah dikemaskini



**LINDUNG DIRI,
LINDUNG SEMUA.**

Info Direktori

Sekitar Sungai Petani

Jabatan Alam Sekitar (JAS)	044235633
Jabatan Kerja Raya (JKR)	044214040/42
Jabatan Pengairan & Saliran	044212209
Jabatan Pendaftaran Negara	044216391
Jabatan Penerangan	044211621
Jabatan Bekalan Air	044210848
Pejabat Daerah	044211963
Pejabat Tanah	044212122
IPD Daerah Kuala Muda	044236999
Aduan Jabatan Kerja Air	044217606
Biro Pengaduan Awam (Pulau Pinang)	042636893
Jab. Pertahanan Awam (JPAM)	044233193
Bomba Sungai Petani	044214444



Pantai Merdeka, Kota Kuala Muda

MPSPK

Majlis Perbandaran Sungai Petani
Sungai Petani Municipal Council
08000 Sungai Petani, Kedah Darul Aman

Tel | 604-429 6666 / 429 6700
Fax | 604-429 6655
Web | www.mpspk.gov.my
Email | admin@mpspk.gov.my

"TRANSFORMASI KE ARAH KECEMERLANGAN"

© Hakcipta Terpelihara 2020 MPSPK

Penerbitan ini boleh diterbitkan semula, kesekeluruhan dan sebahagiannya bagi tujuan pendidikan atau tujuan-tujuan yang tidak memberi keuntungan tanpa persetujuan daripada pemilik hakcipta, dengan syarat penghargaan diberi kepada sumber berkenaan dan senaskhah terbitan yang menggunakan terbitan ini sebagai sumber dikemukakan ke Majlis Perbandaran Sungai Petani. Terbitan ini tidak boleh diterbitkan untuk jualan atau untuk apa-apa tujuan perniagaan tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Majlis Perbandaran Sungai Petani.

Segala hasil penulisan dan fotografi adalah hakmilik Majlis Perbandaran Sungai Petani.

Diterbitkan oleh Bahagian Perhubungan Awam & Korporat, Majlis Perbandaran Sungai Petani.